

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Deputy Vice Chancellor's Office (Academic and International Affairs)

Rujukan Kami : UniSZA.C/TNC(A&A)/241 Jld. 6 (20)
Bertarih : 6 Disember 2012
Bersamaan : 22 Muharam 1434

Y. Brs. Prof. Dr. Zainal Muktamar
Rektor Universitas Bengkulu
Gedung Rektorat
JL. WR. Supratman
Bengkulu 38371 A

Y. Brs. Prof.,

JEMPUTAN KUNJUNGAN AKADEMIK UNIVERSITAS BENGKULU KE UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Saya dimaklumkan oleh Prof. Madya Dr. Ramle bin Abdullah, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA bahawa Y.Brs. Prof. berhasrat untuk datang ke UniSZA untuk mengadakan perbincangan ke arah mewujudkan hubungan kerjasama di antara Universitas Bengkulu dengan UniSZA. Prof. Madya Dr. Ramle bin Abdullah berkunjung ke Universitas Bengkulu semasa berlangsungnya 3rd International Seminar of Regional Network on Poverty Eradication(3rd RENPER) di Universitas Bengkulu pada bulan Oktober 2012

3. Saya bagi pihak UniSZA menyambut baik dan mengalu-alukan hasrat Y.Bhg. Prof. Saya juga dimaklumkan bahawa Y. Brs. Prof. akan menandatangani MoU bersama Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang pada 20hb Disember 2012. Sehubungan dengan itu, saya dengan ini berbesar hati menjemput Y.Bhg. Prof. ke UniSZA pada 22 dan 23 Disember 2012 untuk mengadakan perbincangan berkaitan cadangan kerjasama.

Semoga dengan kehadiran Y.Brs. Prof. dan perbincangan yang diadakan akan mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dan bermanfaat kepada UniSZA dan Universitas Bengkulu. Sekian, terima kasih

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah



PROF. DR. AMRAN BIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

s.k - Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam